

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2010

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Akhir ini yang disediakan

oleh

MOHAMAD FAIZ B MOHAMAD NOR

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN REKABENTUK DALAMAN BARU HOTEL ACASIA
UNTUK YTL CORPORATION BHD DI LOT A 212 JALAN RAJA CHULAN
50200 KUALA LUMPUR**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan	:	_____	En.Afzanizam Muhammad
Koordinator kursus	:	_____	En.Muhammad Suhaimi Bin Musa
Koordinator Program	:	_____	Dr. Ahmad Marzukhi bin Monir

ABSTRAK

Sebagai melengkapkan sesi pembelajaran bagi pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman, projek akhir merupakan manifestasi terhadap kefahaman para pelajar tentang keseluruhan aspek projek rekabentuk dalaman dari awal sesi pembelajaran di peringkat asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih sebagai projek akhir untuk Diploma Rekabentuk Dalaman ini ialah merekabentuk baru ruang dalaman hotel butik bagi YTL Corporation Berhad yang terletak di Lot A 212 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur. Hotel butik yang dicadangkan ini merupakan salah satu hotel butik yang terdapat di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Bertempat di lokasi yang strategik dan juga di dalam kawasan segitiga emas Bandaraya Kuala Lumpur, sasaran utama pelanggannya adalah di kalangan rakyat tempatan dan juga pelancong asing yang datang berkunjung ke negara ini. Umum mengetahui, hotel butik merupakan hotel yang berkonsep dan mempunyai imejnya yang tersendiri. Maka tidak hairanlah jika perkhidmatan yang ditawarkan adalah berbeza berbanding dengan hotel-hotel yang sedia ada. Walaupun harga penginapan yang ditawarkan agak mahal sedikit berbanding hotel lain, suasana yang ditawarkan umpama seperti berada di dalam kediaman sendiri. Konsep dan imej rekabentuk yang dipilih untuk hotel butik ini adalah moden kontemporari yang mana gaya rekabentuk yang diterapkan mengikut gaya hidup masyarakat pada masa sekarang yang serba moden dan canggih. Sehubungan dengan itu, setiap rekabentuk yang dihasilkan memerlukan kajian secara terperinci dan menyeluruh agar memenuhi piawai yang telah ditetapkan. Kaedah kajian yang digunakan pula adalah melalui sesi temuramah, rujukan melalui media cetak dan juga media elektronik, pemerhatian serta kajian kes yang dijalankan samaada dari dalam mahupun luar negara. Hasil daripada kajian dan penyelidikan yang di jalankan, maklumat-maklumat dan data yang diperolehi dapat digunakan di dalam proses merekabentuk sebuah hotel butik yang bersistematik dan menarik yang mampu menggamit mata setiap pelanggan yang berkunjung.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum w.b.t.....

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, laporan tesis berkaitan dengan projek akhir semester enam di dalam kursus *Interior Design (IND 381)* ini dapat disiapkan dengan sempurna dan sebaiknya mengikut jadual dan waktu yang diberikan. Tajuk projek yang dilaksanakan ialah *Proposed New Interior Design Scheme Acasia Hotel for YTL Corporation BHD* yang beralah Lot A212 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khas buat kedua ayahanda dan bonda serta keluarga tidak pernah jemu memberi dorongan, inspirasi, bimbingan, galakan dan nasihat untuk saya menyiapkan laporan tesis ini dengan sebaik mungkin. Seterusnya jutaan terima kasih juga ditujukan khas kepada para penyarah Jabatan Senibina Dalaman Universiti Teknologi MARA Perak, Cawa Seri Iskandar yang sudi memberi perangsang, petunjuk, kerjasama serta teguran yang membina sepanjang latihan ini dijalankan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan khas kepada Encik Suhaimi b. Musa selaku Penyarah bagi Matapelajaran *Thesis (THE 386)* dan Encik Afzanizam b. Muhammad selaku penyelia laporan tesis ini yang telah memberi tunjuk ajar, garis panduan, petunjuk dan nasihat kepada dalam setiap modul dan tugas yang perlu diikuti sepanjang sesi pembelajaran Kursus *Thesis* ini. Akhir sekali terima kasih juga kepada rakan seperjuangan dan *Senior-senior* yang banyak membantu saya dalam memberi idea dan tunjuk ajar sepanjang laporan tesis projek semester enam ini dilaksanakan. Kerjasama dan jasa baik anda semua amatlah saya hargai. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii - viii
SENARAI GAMBARAJAH	ix
SENARAI FOTO	x - xii

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	2
1.2 HOTEL BUTIK	3
1.3 METADOLOGI KAJIAN	4
1.3.1 Pemerhatian	4
1.3.2 Temujanji	5
1.3.3 Rujukan	5 - 7
1.4 MATLAMAT PROJEK	8
1.5 OBJEKTIF PROJEK	9
1.6 SKOP PROJEK	10

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Hotel bermaksud sebuah bangunan di mana mempunyai kemudahan tempat tinggal atau bilik yang turut memberi kemudahan seperti makanan dan pelbagai perkhidmatan lain kepada tetamu dan pelanggan yang menginap di sesebuah hotel tersebut. Hotel juga terbahagi kepada pelbagai jenis dan kategori bergantung kepada fungsi dan lokasi hotel tersebut. Sejak awal abad ke 21, industri perhotelan telah semakin berkembang dengan pesatnya. Namun semenjak beberapa dekad kebelakangan ini, persaingan telah diwujudkan oleh pertambahan bilangan hotel-hotel dimana telah menghasilkan pelbagai jenis hotel yang lebih kompleks.

Industri perhotelan ini semakin berkembang dari hari ke hari dengan variasi produk yang lebih meluas. Faktor pemangkin kepada perkembangan ini adalah kerana hasil daripada permintaan pengguna yang menggalakkan, persaingan yang wujud antara hotel-hotel dan pemahaman pihak-pihak yang berkaitan dalam bidang perhotelan itu sendiri tentang tuntutan ataupun keperluan orang awam dan pengunjung.

Hotel dikelaskan melalui lokasi, kegunaannya dan karakter-karakter istimewa yang ditawarkan. Ini juga adalah ciri-ciri bagi mengklasifikasikan hotel-hotel ini mengikut bintang dan taraf dalam dunia perhotelan. Harga penginapan bagi sesebuah bilik hotel tidak menentukan perkhidmatan yang akan diberikan oleh pihak hotel itu adalah memuaskan atau tidak. Kadang kala bayaran yang mahal bagi sesebuah hotel hanya diberikan bilik penginapan yang kecil sahaja. Walaubagaimanapun mungkin perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan. Terdapat juga *Budget Hotel* dimana bayaran yang dikenakan adalah jauh lebih murah tetapi penginapannya adalah lebih besar dan keperluan yang diberikan juga lebih baik. Oleh kerana jenis-jenis hotel adalah berbeza maka keperluan rancangan adalah bergantung kepada lokasi yang dipilih, saiz ruang, imej, taraf sesebuah ruang, sirkulasi, dan karakter hotel tersebut.